



Sukarelewan KUIPSAS mengagihkan bubur lambuk kambing di pekarangan Masjid Negeri Sultan Ahmad I, Kuantan, semalam.

Agih 3,000 bubur lambuk kambing

Kuantan: Dalam tempoh kurang sejam, 3,000 mangkuk bubur lambuk kambing yang disediakan warga Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) selesai diagihkan kepada penduduk, di sini.

Juadah itu disediakan secara gotong-royong untuk dinikmati umat Islam yang berbuka puasa di padang Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) Dua, di sini, kelmarin selain warga kolej sendiri.

Rektor KUIPSAS, Datuk

Yahya Zainal Abidin, berkata keistimewaan bubur lambuk kali ini adalah ramuan tambahannya iaitu daging kambing tempatan selain, bahan dasar lain.

“Ini kali pertama kita menyediakan bubur lambuk istimewa ini dengan jumlah besar, berbanding sebelum ini hanya untuk edaran kakitangan dan penuntut sahaja.

Masak empat periuk besar

“Jadi, empat periuk besar kita gunakan yang boleh

memuatkan 50 kilogram (kg) beras, 30kg ikan seelayang, 25kg daging lembu dan 15 ayam selain bahan tambahan lain.

“Lebih 80 warga kampus bergotong-royong untuk menyediakan hidangan ini dan 2,000 mangkuk kita agih kepada rakyat yang berbuka di padang MPK,” katanya di sini, semalam.

Yahya berkata, program itu adalah acara tahunan KUIPSAS bertujuan mengeratkan lagi hubungan warga kampus dengan penuntut.